

## **TALKING POINTS YB MENTERI UNTUK MAJLIS PELANCARAN PROGRAM TANAM SEMULA TAHUN 2009 PERINGKAT RISDA NEGERI PERAK PADA 5 APRIL 2009**

### **1. PROGRAM TANAM SEMULA**

Rancangan Tanam Semula diperkenalkan pada tahun 1952 bertujuan untuk membolehkan pekebun kecil yang mempunyai kebun getah tua dan tidak ekonomik menanam semula dengan klon-klon baru yang boleh memberikan hasil dan pulangan yang lebih baik. Melalui Rancangan ini juga, pekebun kecil boleh menanam semula dengan jenis tanaman lain seperti Sawit, buah-buahan, dan sebagainya.

### **2. BANTUAN TANAM SEMULA**

Melalui program Tanam Semula ini pekebun kecil menerima bantuan dalam bentuk wang tunai, mata benda seperti benih, baja dan khidmat nasihat. Pekebun kecil dibantu melaksanakan penanaman semula melalui bantuan tanam semula yang diberikan oleh RISDA mengikut kadar-kadar tertentu yang diluluskan oleh Jemaah Menteri. Kadar bantuan yang bermula pada tahap RM 988 sehektar pada tahun 1952 telah dinaikkan sebanyak 7 kali selaras dengan peningkatan kos menanam semula. Kadar bantuan tanam semula semasa yang diberikan kepada pekebun kecil adalah RM7,000 sehektar untuk Tanam Semula Getah ke Getah Integrasi dan RM6,000 sehektar untuk Tanam Semula Getah ke Tanaman Lain.

### **3. PENCAPAIAN PROGRAM TANAM SEMULA**

Bagi tempoh tahun 1953 hingga akhir tahun 2008 terdapat seluas **1,568,786** hektar kebun getah kepunyaan **742,412** pekebun kecil di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada ini, seluas **1,076,750** hektar telah ditanam semula kali pertama (TS1) dengan berbagai jenis tanaman dengan tanaman getah, kelapa sawit, buah-buahan bukan jenis limau, kelapa, nenas dan koko sebagai pilihan utama oleh seramai **584,460** orang pekebun kecil. Baki luas kawasan getah yang belum ditanam semula kali pertama berjumlah **492,036** hektar. Daripada baki kawasan getah ini terdapat tanah yang telah bertukar menjadi kawasan perumahan, pembangunan, perindustrian, jalanraya dan ditanam semula bersendirian (atau berlebihan) oleh pekebun kecil tanpa bantuan daripada RISDA.

3.2 - Sementara itu, luas kawasan Tanam Semula Kali Pertama (jenis tanaman getah) yang telah ditanam semula kali kedua (TS2) bagi tempoh 1974 hingga akhir **1999** berjumlah **215,318** hektar. Kawasan ini dimiliki oleh **126,442** pekebun kecil dan ditanam semula kali kedua dengan berbagai jenis tanaman yang dibenarkan oleh RISDA dengan getah, kelapa sawit, buah-buahan jenis bukan limau dan koko sebagai pilihan utama.

3.3 - Kawasan Tanam Semula Kali Kedua (TS2) tanaman getah yang telah ditanam semula kali ketiga (TS3) bagi tempoh 1992 hingga akhir **1999** berjumlah **504** hektar dimiliki oleh **409** orang pekebun kecil. Jenis tanaman getah, kelapa sawit dan buah-buahan bukan jenis limau menjadi pilihan pekebun kecil.

#### **4. PAKEJ BANTUAN TAMBAHAN ( PBT )**

Pakej bantuan tambahan ini adalah bertujuan meringankan beban pekebun kecil yang memiliki tanah 2.5 hektar dan ke bawah semasa melaksanakan pembangunan kebun bagi program tanam semula beikutan kenaikan kos.

Pakej bantuan tambahan ini merangkumi pembiayaan prasarana di dalam kebun berjumlah RM 1,500.00 sehektar bagi peserta TSGGI dan TSGL yang menyertainya mulai 1 januari 2009.